

DEWAN MAJLIS

Hari Selasa, 17 Syaaban 1445 / 27 Februari 2024

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.45 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
اللَّهُ، kita bersyukur ke hadrat
اللَّهُ kerana dengan limpah
rahmat dan izin-Nya jua, maka kita dapat
bersama-sama hadir pada pagi ini dalam
Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Persidangan yang diadakan pada pagi ini cukup signifikan yang Istiadat Pembukaan Rasminya iaitu Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

اللَّهُ Sambil kita bersyukur ke hadrat
اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan limpah rahmat dan
izin-Nya jua, maka kita dapat
bermesyuarat dalam keadaan
permesyuaratan negara kita dalam
suasana yang aman damai, harmoni dan
penuh sejahtera.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan pagi ini, izinkanlah saya lebih dahulu mengalu-alukan kehadiran Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara yang baharu iaitu Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah. Dalam pada itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan berberterima kasih kepada mantan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara yang lalu iaitu Yang

Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, atas khidmat bakti, tenaga dan buah fikiran yang disumbangkan beliau selama memegang jawatan yang berkenaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, di hadapan kita ada beberapa perkara yang perlu kita selesaikan. Maka, oleh yang demikian saya cadangkan ada baiknya kita beralih untuk menyelesaikan perkara yang selanjutnya.

Yang Mulia Jurutulis: Perkara II - Meneliti dan Mengesahkan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 18 hari bermula 9 Syaaban 1445 hingga 6 Ramadan 1444 bersamaan dengan 2 Mac hingga 28 Mac 2023 bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di hadapan kita sekarang Minit Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 18 hari. Minit Persidangan itu telah dikelilingkan kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk diteliti dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk memberikan pendapat ataupun pindaan terhadap minit yang berada di hadapan kita ini, saya persilakan Yang Berhormat.

Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat sebarang kenyataan atau pindaan mengenai minit yang telah pun kita kelilingkan ini. Maka saya membuat kesimpulan bahawa isi kandungan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 yang telah bersidang selama 18 hari itu adalah betul dan tidak ada pindaan, maka minit ini saya luluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar lagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara yang kita hadiri ini akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Maka bagi membolehkan majlis ini untuk menunggu dan menjunjung keberangkatan baginda ke majlis ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini dulu.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR**

'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPERA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20 MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA HARI SELASA, 17 SYAABAN 1445 BERSAMAAN 27 FEBRUARI 2024 BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ
 الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
 الْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ

bersyukur kita ke hadirat Allah SWT kerana dapat bersidang lagi pada hari ini dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Majlis Mesyuarat Negara merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahli. Ia dihasratkan kekal *relevant* untuk membincang perkara-perkara strategik yang bemanfaat bagi rakyat dan negara.

Beta berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa peka untuk mengikuti perkembangan yang berlaku bukan sahaja di dalam

negara malah juga di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Ini semua boleh memberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat perspektif berbeza serta idea-idea baharu yang boleh menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan. Secara khusus Beta juga mahu Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing.

Beta percaya perundingan timbal balik ini akan memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar Kerajaan Beta. Ke arah ini Beta sarankan supaya pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk terus memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat khasnya menerusi penglibatan dalam mana-mana keahlian jawatankuasa ataupun *taskforce* yang diamanahkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik juga disarankan untuk membuat inisiatif-masing-masing ke arah membantu Kerajaan Beta dalam menjana peluang-peluang pekerjaan mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber

tenaga manusia termasuk dalam kalangan pengusaha tempatan dan golongan tertentu yang lain. Beta difahamkan bahawa menerusi laporan *ASEAN +3 Macro Economic Research Office (AMRO)* telah diramalkan bahawa ekonomi negara akan mengukuh kepada 2.4% pada tahun 2024 yang diterajui oleh sektor bukan minyak dan gas melalui aktiviti perekonomian dalam sektor pertanian, makanan, kewangan, pengangkutan dan pelancongan serta peluasan aktiviti dalam sektor penapisan minyak dan gas hiliran.

Beta juga telah difahamkan bahawa beberapa usaha mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan, namun masih saja belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan. Tetapi apa pun keadaan pada hakikatnya kita tidak dapat lagi terlalu bergantung pada semata-mata sektor minyak dan gas kerana terdapat beberapa faktor di luar kawalan kita seperti penurunan pengeluaran minyak dan gas dan harga pasaran global minyak dan gas yang tidak menentu. Usaha-usaha perlulah diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mempelbagaikan ekonomi serta memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik yang negara mempunyai potensi dan kekuatan untuk lebih berjaya. Pada masa yang sama, isu-isu semasa seperti isu alam sekitar, perubahan

iklim dan sebagainya juga perlu diberikan perhatian. Namun apa pun berlaku hala tuju pengeluaran minyak dan gas mesti diaktifkan dan industri hiliran minyak dan gas dikembangkan serta bekalan tenaga elektrik dan bahan api terus diutamakan.

Dari segi perbelanjaan kerajaan pula, ia dilihat semakin meningkat tahun demi tahun. Namun demikian, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, Kerajaan Beta masih mampu untuk menyediakan sejumlah belanjawan bagi keperluan pembangunan.

Apa yang penting di sini ialah setiap agensi Kerajaan Beta hendaklah menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini.

Dari segi pembangunan negara pula, Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 akan bermula pada Tahun Kewangan 2024-2025 ini bagi tempoh lima tahun. Dalam masa yang sama, RKN mempunyai peranan penting ke arah mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035. Maka apa yang Beta harapkan supaya projek-projek pembangunan RKN ini akan dapat dipercepatkan mengikut garis masa yang sudah ditentukan.

Adalah juga menjadi harapan kita supaya *Blueprints* yang berkaitan

dengan perekonomian akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan dan dapat menarik lebih banyak lagi Pelaburan Langsung Asing yang berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu. Untuk akhirnya, Beta sekali lagi menyarankan agar persidangan ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif pembangunan dan kemajuan negara.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Pembesar-Pembesar Negara.)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu marilah kita merafakkan rasa kesyukuran ke hadrat kerana dengan limpah

rahmat dan izin-Nya jua, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara telah selesai dan sempurna dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah juga berkenan mengurniakan titah.

Bagi membolehkan majlis ini untuk menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat untuk bergambar ramai bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya untuk meninggalkan bangunan Dewan Majlis ini.

Maka, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada esok hari iaitu hari Rabu, 18 Syaaban 1445 bersamaan dengan 28 Februari 2024 bertugas pada pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

